

11 FEB 2001

IPF-Samy

SAMY VELLU TIDAK TERKEJUT DENGAN KEPUTUSAN IPF TIDAK SERTAI MIC

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu tidak terkejut dengan keputusan Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF) menolak tawaran MIC untuk menyertai parti itu.

Beliau menyifatkan keputusan pungutan suara hari ini sebagai "drama yang dipentaskan" oleh presiden IPF Datuk M.G. Pandithan.

Presiden MIC itu tidak mahu mengulas lanjut sambil membayangkan beliau mungkin tidak menyentuh isu IPF lagi.

Para perwakilan IPF menolak tawaran daripada MIC dan Parti Progresif Penduduk (PPP) pada perhimpunan agung kesembilan di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Daripada sejumlah 2,950 perwakilan, hanya dua menyatakan persetujuan, masing-masing satu undi untuk MIC dan PPP sementara terdapat dua undi rosak.

Presiden IPF Datuk M.G Pandithan tidak mengundi dalam pungutan suara itu yang diadakan bagi menentukan sama ada para perwakilan harus menerima tawaran MIC dan PPP atau kekal dalam IPF.

Menurut para pemerhati politik, Samy Vellu kini berasa dendamnya kini telah terbalas berikutan keputusan IPF itu memandangkan IPF sekarang tidak boleh menyalahkan MIC kerana menyekat peluangnya untuk menyertai BN.

"MIC sekarang boleh menyatakan bahawa IPF telah diberi peluang untuk menyertai BN melalui MIC tetapi mereka menolaknya. Tiada hasrat untuk menyertai MIC atau PPP," menurut seorang pemerhati.

"Memang sukar untuk menyatakan sekarang sama ada IPF berpeluang diterima masuk ke dalam BN sambil menambah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri menyambut baik tawaran MIC kepada IPF.

Bagaimanapun, Pandithan berikrar untuk meneruskan perjuangannya sehingga IPF diterima sebagai parti komponen BN.

"Kita telah bersabar dan akan terus bersabar dan akan berjaya dalam perjuangan," kata Pandithan.

Para pemerhati berkata, selepas menyedari bahawa majoriti para perwakilan tidak berminat untuk menyertai MIC atau PPP, Pandithan membuat keputusan untuk mengisytiharkan secara terbuka semasa ucapan dasarnya pada perhimpunan itu bahawa IPF akan meneruskan perjuangan supaya kepimpinan BN menerima parti itu ke dalam BN.

"Beliau telah membayangkan kepada para perwakilan supaya mereka menolak tawaran oleh MIC dan PPP," menurut seorang pemerhati.

-- BERNAMA

ES CS FAZ